



**KARAMAH MENURUT SHAYKH DR. HJ. JAHID HJ. SIDEK**

**Oleh:**

Ahmad Najaa' Mokhtar<sup>1</sup>, Muhammad Khairi Mahyuddin<sup>2</sup>,  
Syed Hadzrullathfi Syed Omar<sup>3</sup>, Ahmad Atoa' Mokhtar<sup>4</sup>,  
Mohd Shaifulbahri Abdullah<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

<sup>2</sup>Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

<sup>3</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

<sup>4</sup>Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), 43000 Kajang, Selangor

<sup>5</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

Corresponding Author: Ahmad Najaa' Mokhtar. Akidah and Religious Studies Programme, Faculty of Management and Leadership, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: (+60) 192783710. Email: [najaa@usim.edu.my](mailto:najaa@usim.edu.my)

Received 23 October; Accepted 29 November 2019

Available online 22 December 2019

**ABSTRACT**

*Karamah is always associated with pekara extraordinary or magic pekara. In fact, this study will discuss matters related to karamah, including istidraj (magic). The discussion focused on the definition of karamah and other terms related to the understanding of the Muslim community in Malaysia in particular. In addition, this study presents the phenomenon of karamah in Islamic societies in Malaysia, and so on, an analysis of the phenomenon of karamah in Islamic society according to Dr. Shaykh's perspective. Jahid Hj. Sidek. This study method is based on library studies and field studies. The formulation of the acquisition states that karamah is a gift from Allah SWT without one's efforts to obtain it, while istidraj, which is an extraordinary case, has the element of help from the genie and the devil. Generally, some Islamic societies cannot differentiate between karamah and istidraj as explained by Islamic law.*

*Keywords: Karamah, istidraj, extraordinary cases, miracles, Tasawwuf.*

## 1. Pendahuluan

Menjadi suatu kebiasaandalam masyarakatapabila seseorang itu terpegun melihat perkara yang ajaib atau berlaku perkara yang luar biasa. Hal ini adalah disebabkan fitrah atau sifat semulajadi manusia yang sememangnya tersedia dan mudah mempercayai perkara yang luar biasa kerana akal gagal menghuraikan perkara tersebut secara spontan. Maka seterusnya, kejadian yang luar biasa tersebut telah berjayamembina kepercayaan dan keyakinan yang tinggi terhadap pelakunya.

Segelintir masyarakat Islam khususnya di negara kita mudah terjebak dengan perkara seumpama ini terutamanya apabila mereka mengalami masalah yang berkait dengan kesihatan fizikal mahupun mental yang kemudiannya dikaitkan juga dengan perkara mistik. Mereka lebih mempercayai seseorang individu yang menonjolkan penampilan seperti ustaz ustazah atau alim ulama walaupun individu tersebut tidak mempunyai latar belakang agama tetapi boleh membaca Al-Quran untuk digunakan dalam rawatan tertentu. Kemudian, apabila dibaca sesuatu doa atau ayat Al-Quran atau sebagainya tiba-tiba berlakutindak balas tertentu seperti pesakit itu menjerit, meronta-ronta dan sebagainya menyebabkan pesakit, keluarga dan orang sekeliling yang berada di tempat kejadian meyakini bahawa kejadian itu adalah karamah atau ma'unah dari Allah SWT tanpa syak lagi.

Hakikatnya, masyarakat Islam yang menghadapi situasi tersebut kadang-kadang tidak mampu berfikiran waras memilih dan menentukan perawatan yang dibenarkan syariat atau pun sebaliknya. Kekeliruan seumpama ini perlu dijelaskan kepada masyarakat Islam agar mereka lebih berhati-hati dalam memilih perawatan yang benar-benar mengikut syariat dan juga tidak bercampur aduk dengan keagamaan dan kebatilan.

Selain itu, turut terjebak dengan perkara yang luar biasa seumpama ini adalah sesetengah golongan ahli tasawwuf yang tidak berilmu. Mereka sering terpesona dengan sesuatu cerita dan kejadian yang luar biasa yang berkait dengan amalan tertentu seperti mampu merentasi alam ini hingga sampai ke Arash Allah SWT dengan kaedah zikir tertentu dan sering berjumpa nabi dan para wali Allah dalam keadaan berzikir. Oleh itu, penjelasan yang sewajarnya perlu dihidangkan kepada masyarakat Islam agar kekeliruan disulahi dengan kenyataan yang sebenarnya dari sudut syariat Islam yang murni.

## 2. Definisi Karamah

Dalam Bahasa Melayu karamah disebut keramat yang bererti suci (bukan manusia) dan berkat kesuciannya ia dapat melakukan sesuatu yang ajaib, seperti dapat menyembuhkan penyakit (Aziah Tajudin, Mohd. Fazli Tajuid, 2016). Karamah pada istilah Bahasa Arab

membawa maksud berlaku sesuatu perkara yang luar biasa melalui seseorang tanpa dakwaan kenabian. Jika ia muncul pada seseorang yang tidak disertai dengan keimanan dan amal soleh, ia dikenali istidraj. Jika ia diikuti dengan dakwaan kenabian ia adalah mukjizat (Al-Jurjani, 2004).

Jelas dari definisi tersebut bahawa karamah ialah sesuatu perkara yang luar biasa berlaku melalui seorang wali Allah SWT tanpa dakwaan kenabian dan mestilah wali tersebut memenuhi syarat wali Allah SWT antaranya istiqamah dalam iman dan amal soleh.

### **2.1 Hukum Berlakunya Karamah**

Berlaku karamah dalam kalangan para wali Allah SWT hukumnya harus (Al-Qushayri, 1989) kerana Allah SWT berkuasa menjadikan perkara yang biasa dan luar biasa mengikut apa yang dikehendakinya. Wali Allah SWT merupakan hamba yang dikasihinya seperti yang disebut di dalam sebuah hadis qudsi:

قال الله تعالى: من عادى لي ولياً فقد آذنته بحرب مني، وما تقرب لي عبدي بشيء أحب إلي مما افترضته عليه، وما زال عبدي يتقرب إلي بالنوافل حتى أحبه فإذا أحببته كنت سمعه الذي يسمع به وبصره الذي يبصر به ويده التي يبطش بها وقدمه التي يمشي بها وإذا سألني لأعطينه وإذا استغفرني لأغفرن له وإذا استعاذني أعدته

*Terjemahnya: "Firman Allah SWT: Sesiapa yang memusuhi waliKu, maka dia sebenarnya telah isytihar berperang denganKu. HambaKu telah bermujahadah mendekatiKu dengan melaksanakan sebaik-baiknya kefarduan yang aku tetapkan ke atasnya yang amat Aku kasih. HambaKu terus bertungkus-lumus mendekatiKu dengan melakukan perkara-perkara sunat hingga Aku mengasihinya. Apabila Aku mengasihinya, Aku menjadi pendengarannya yang digunakan untuk mendengar, penglihatannya yang digunakan untuk melihat, tangannya yang digunakan untuk bergerak, kakinya yang digunakan untuk berjalan. Apabila dia memohon sesuatu, Aku akan tunaikan, apabila dia memohon keampunan kepadaKu nescaya akan Aku ampunkan dan apabila dia memohon perlindungan akan Aku lindunginya. (Al-Bukhari, 1987).*

Hadis tersebut secara jelas menerangkan mengenai wali Allah SWT yang dikurniakan karamah. Ciri-ciri wali Allah juga dinyatakan dengan jelas iaitu seseorang yang melakukan segala kefarduan dengan tujuan mendekati Allah SWT dan ditambah pula dengan amalan sunat hingga meraih kasih Allah SWT. Limpahan kasih Allah SWT terhadap waliNya dengan mengurniakan apa yang dikehendakinya. Inilah yang dimaksudkan dengan karamah yang sebenarnya.

### **2.2 Karamah Dalam Al-Quran, Hadis Dan Kisah Sahabat**

Di dalam Al-Quran banyak menyebut tentang berlakunya karamah. Sebagai contoh, Allah SWT berfirman:

فَتَعَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا قَالَ يَا مَرْيَمُ أَنَّى لَكِ هَذَا قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Terjemahnya: "Maka ia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik, dan dibesarkannya dengan didikan yang baik, serta diserahkan untuk dipelihara oleh Nabi Zakaria. Tiap-tiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, ia dapati rezeki (buah-buahan yang luar biasa) di sisinya. Nabi Zakaria bertanya:" Wahai Maryam dari mana engkau dapati (buah-buahan) ini?" Maryam menjawab; "Ialah dari Allah, sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak dikira" (Ali 'Imran 3:37).

Kisah Siti Maryam dalam ayat Al-Quran ini menjelaskan bahawa Nabi Zakariyya yang telah diamanahkan untuk menjaga Siti Maryam terpegun apabila melihat kejadian luar biasa yang berlaku kepada Siti Maryam iaitu kewujudan buah-buahan musim panas di musim sejuk dan buah-buahan musim sejuk di musim panas yang terhidang di tempat ibadat Siti Maryam (*mihrab*). Apabila ditanya kepada Siti Maryam, tegasnya itulah rezeki yang Allah kurniakan kepada yang dikehendakiNya (Al-Qurtubi, 1964).

Sementara dalam hadis juga banyak menerangkan kejadian karamah, antaranya kisah seekor lembu berkata-kata kepada tuannya seperti yang Nabi SAW ceritakan:

بينما رجل راكب على بقرة التفتت إليه فقالت لم أخلق لهذا خلقت للحرثاة قال آمنت به أنا وأبو بكر وعمر

Terjemahnya: "Seorang pengembala ketika menaiki seekor lembunya, tiba-tiba lembu itu toleh kepadanya seraya berkata: Aku dicipta bukan untuk ditunggangi tetapi hanya untuk pertanian. Nabi SAW bersabda: Aku beriman dengan kisah ini, juga Abu Bakr dan Umar RA" (Al-Bukhari, 1987).

Hadis ini menjelaskan bahawa Rasulullah SAW mempercayai kisah seorang pengembala yang mendengar kata-kata lembu peliharaannya ketika menungganginya. Kenyataan Rasulullah SAW tersebut membuktikan keharusan berlakunya karamah kepada seseorang soleh.

Jika diperhatikan kisah-kisah sahabat Nabi SAW didapati banyak kisah yang dikira sebagai karamah, antaranya kisah yang berlaku pada Saidina Abu Bakr RA ketika menjamu makan kepada tetamunya. Seusai jamuan, Saidina Abu Bakr melihat makanan masih banyak lalu bertanya kepada isterinya apa yang berlaku, lalu isterinya menyatakan bahawa makanan yang diberikan untuk jamuan lebih banyak daripada yang disediakan. Perkara ini adalah satu kejadian karamah yang berlaku kepada Saidina Abu Bakr seperti yang dinyatakan di dalam *Sahih Bukhari*(Al-Bukhari, 1987).

### 2.3 Perbezaan Di Antara Karamah Dan Istidraj

Jika karamah adalah sesuatu kurniaan Allah SWT kepada hambaNya yang soleh, terdapat pula perkara yang luar biasa yang diberikan kepada hambaNya yang fasiq dan kafir yang disebut sebagai *istidraj*. Sesetengah masyarakat Islam terkeliru antara karamah dan *istidraj* menyebabkan golongan yang mendakwa memiliki karamah menjadi terkenal dan terus diselubungi dengan tipu daya jin dan syaitan yang licik mengelirukan manusia.

*Istidraj* menurut Al-Jurjani (2004) perkara yang berlaku dengan kehendak Allah SWT kepada hambaNya dengan menerima segala hajatnya semasa demi semasa hingga akhir umurnya yang sebenarnya adalah ujian dan azab (yang tidak disedarinya). Ia juga bermaksud peranan syaitan yang mendorong seseorang merasakan dirinya telah mencapai darjat yang tinggi dalam ibadat, kemudian dijatuhkannya dalam keadaan yang amat hina.

Oleh demikian, *istidraj* merupakan perkara yang luar biasa yang terjadi kepada seseorang untuk ujian dan penghinaan disebabkan adanya unsur-unsur sihir atau syaitan dalam amalannya. Perkara ini amat rumit untuk dikenal pasti. Namun, dengan panduan alim ulamayang berdasarkan Al-Quran dan hadis sebagai sumber akan membantu masyarakat Islam memahaminya dengan jelas.

### 3. Perkara Luar Biasa Dalam Masyarakat Islam

Allah SWT menerangkan di dalam Al-Quran mengenai tipu daya jin dan syaitan merosakkan manusia dengan mengilhamkan pelbagai perkara supaya mereka tunduk, patuh dan yakini bahawa jin dan syaitan dapat membantu mereka. Firman Allah SWT:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يُعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Terjemahnya: “Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat” (Al-Jin 72:6).


Ayat ini bersandarkan fenomena di zaman Jahiliyyah, jika seseorang ingin melalui atau singgah bermalam disesuatu kawasan, dia akan menyeru kepada jin atau syaitan yang mendiami kawasan untuk perlindungan sedangkan jin dan syaitan berkata bahawa mereka juga tiada kuasa untuk memberikan perlindungan atau keselamatan, maka turunlah ayat ini menegaskan bahawa meminta perlindungan daripada jin dan syaitan menambahkan dosa (Al-Tabari, 2001).

Disebut dalam sebuah kisah di Madinah, seorang sahabat Nabi SAW dengan bapanya menginap di sebuah pengembala kambing. Dalam masa itu, tiba-tiba seekor serigala menerkam kambing dibawa lari. Lalu pengembala tersebut menyeru kepada penjaga lembah

agar membantunya. Setelah itu, tiba-tiba kambing yang dibawa lari oleh serigala muncul tanpa apa-apa kecederaan. Maka, turunlah ayat ini kepada Rasulullah SAW yang ketika itu masih di Mekah (Al-Baghawi, 1997).

Ini bermakna kejadian luar biasa yang berlaku juga mempunyai unsur bantuan daripada jin atau syaitan selain daripada keharusan berlakunya karamah. Dalam hal ini, segelintir masyarakat Islam tidak sedar adanya unsur jin dan syaitankerana anggapan mereka semua yang berlaku dengan kehendak Allah SWT tanpa memahami bahawa perkara yang berlaku daripada Allah SWT itu dua bentuk, pertama, ujian dan keredaanNya. Kedua, ujian dan tipu daya syaitan.

Cuba perhatikan kata-kata Nabi Sulaiman apabila dikurniakan sesuatu kelebihan daripada Allah SWT melalui firman Allah SWT:



Terjemahnya: "Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah: "Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata!" Setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, berkatalah ia: "Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberianNya" (An-Naml 27:40).

Jelas menunjukkan bahawa Nabi Sulaiman apabila dikurniakan sesuatu nikmat Allah SWT mengungkapkan "Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberianNya". Sedangkan jika seseorang diuji dengan nikmat atau sesuatu kelebihan dipandang dan dianggap kelebihan dirinya yang datang daripada Allah SWT tanpa rasa bimbang yang kemungkinan juga boleh diperdaya oleh jin atau syaitan.

Dalam masyarakat Islam khususnya di Malaysia, pelbagai perkara yang luar biasa berlaku terutamanya apabila dikaitkan dengan perubatan alternatif atau perubatan Islam. Sebagai contoh, pembedahan batin yang dijalankan oleh perawat tanpa menggunakan peralatan bedah dan tanpa menggunakan bilik bedah seperti di hospital. Pembedahan ini selalunya dilakukan dengan menggunakan tangan dan menekan di bahagian tertentu di tubuh pesakit. Pesakit terasa mengantuk (kesan pukau oleh perawat) dan bahagian yang dirawat oleh perawat tersebut kelihatan darah mengalir. Kadang-kadang perawat mengeluarkan objek

dari tubuh pesakit seperti organ pesakit, kaca, paku dan sebagainya. Setelah sesi rawatan, perawat mencantumkan bahagian yang luka tanpa memerlukan jahitan dan apa jua peralatan. Perawat menterjemahkan perkara tersebut adalah sihir yang dihantar oleh musuh pesakit (Jahid Sidek Al-Khalidi, Ahmad Najaa' Mokhtar, Muhammad Khairi Mahyuddin, Mahyuddin Ismail, Abdul Rahim Zumrah, Nurhafizah Mohd. Sukor, Nur Afifah Mohd Najib, Syed Haashim Syed Abd Rahman, 2018).

Dalam karya *Konsep Dan Isu Dalam Pengalaman Perubatan Islam* (2018) juga berkongsi pengalaman mengenai rawatan dalam perubatan Islam, terdapat perawat yang dianggap hebat oleh sesetengah masyarakat disebabkan kemampuannya mengeluarkan pelbagai objek seperti pecahan kaca, serbuk kaca, dawai berkarat, paku berkarat, jarum, rambut, pisau jilid, patung lilin, batu karang dan sebagainya lagi. Perawat yang terlibat dengan kegiatan rawatan seperti ini memang dikenali kebolehnya oleh masyarakat, sehingga masyarakat menganggapnya satu tokoh perawat yang benar-benar berwibawa dan bertaraf wali. Sebenarnya kebolehan perawat tersebut adalah hasil dari ilmu sihir. Buktinya kemampuannya mengeluarkan objek telah menjadi kebolehnya, dapat dibuat bila-bila dikehendaki, boleh diprogramkan, selalunya serupa sahaja apa yang keluar dari tubuh pesakit dan akhirnya banyak pantang larang yang tidak boleh dilakukan oleh pesakit. Perawat juga selalu meminta pengeras atau pemutus ubat.

Ada juga perawat perubatan Islam yang menggunakan kaedah rawatan yang pelik dan sukar diterima oleh akal. Seperti rawatan sakit gigi dengan memaku beberapa batang paku di sekeping papan atau tiang atau dinding dan sebagainya. Demikian juga rawatan penyakit barah dilakukan dengan cara memindahkan barah ke tubuh seekor kambing hitam. Menggunakan kaedah menggaris dengan pisau tumpul di atas papan atau sebagainya kononnya untuk mencungkil urat yang terseliah dan urat-urat yang tidak berfungsi. Kadang-kadang digunakan keris, pedang dan sebagainya (Jahid Sidek Al-Khalidi, Ahmad Najaa' Mokhtar, Muhammad Khairi Mahyuddin, Mahyuddin Ismail, Abdul Rahim Zumrah, Nurhafizah Mohd. Sukor, Nur Afifah Mohd Najib, Syed Haashim Syed Abd Rahman, 2018).

Jika dilihat kejadian luar biasa yang dikatakan sebagai karamah tentulah ianya berbeza dengan *istidraj* seperti yang nyatakan sebelum ini. Konsepnya perlu difahami dan diteliti dengan cermat agar jelas perbezaannya. Sebagai satu contoh lain dalam kejadian karamah Saidina Umar Al-Khattab RA ketika berkhotbah di atas minbar pada hari Jumaat. Tiba-tiba beliau melaungkan “Wahai Sariah ibn Zunaym, naik ke bukit”. Para sahabat yang hadir terpinga-pinga tidak tahu apa yang berlaku hinggalah Sariah ibn Zunaym menceritakan

bahawa pada hari kejadian sewaktu tentera Islam berperang, mereka berada di tempat yang rendah hingga terdengar suara laungan dari Saidina Umar RA tersebut lantas mereka tukar posisi iaitu di atas bukit hingga dikurniakan kemenangan (Ibn Kathir, 1986)(Al-Bayhaqi, 1401H).

Daripada contoh-contoh tersebut, jelas didapati bahawa kesemuanya adalah perkara luar biasa. Contoh pertama, pembedahan batin tersebut dilakukan tanpa menggunakan apa jua peralatan pembedahan, kelihatan darah yang mengalir, mengeluarkan pelbagai barangan yang pelik yang datangnya dari dalam tubuh dan cantuman tempat pembedahan tanpa menggunakan alatan jahitan atau seumpamanya. Amat jelas perkara yang berlaku tersebut meragukan dan bercanggah dengan syariat Islam.

Dakwaan perawat dengan mengaitkan perkara tersebut dengan karamah dari Allah SWT sebenarnya ia adalah percubaan mengelirukan pesakit supaya dapat menerima kaedah tersebut. Sudah tentu pesakit yang terdesak mengakui dan mempercayainya untuk segera sembuh. Begitu juga situasi pada contoh kedua dan ketiga. Jadi, perkara yang luar biasa tersebut dan seumpamanya perlu dihindari oleh masyarakat. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat kenyataan tentang kekeliruan tersebut berpandukan garis panduan daripada pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka (Melaka, 2012)(Zin, 2014).

Sementara kejadian yang berlaku pada Saidina Umar itu adalah karamah sebenar dan ia bukanlah sesuatu yang dirancang untuk tujuan tertentu seperti yang dilakukan oleh perawat bedah batin tersebut. Oleh demikian, masyarakat perlu berhati-hati dalam mendepani aktiviti yang meragukan terutamanya apabila aktiviti tersebut menggunakan kelebihan-kelebihan tertentu walaupun orang itu menafikan perkara yang terjadi itu bukan karamah tetapi hakikatnya, perkara luar biasa hanya berlaku sama ada karamah atau *istidraj*. Jika terdapat unsur yang meragukan atau bercanggah dengan syariat Islam dan garis panduan karamah yang sebenarnya maka ia adalah *istidraj*.

Ibn 'Ajibah (1985) menegaskan tentang karamah bahawa kebanyakan dalam masyarakat menyanjung orang yang mempunyai karamah dengan sanjungan yang melampau yang dianggap ianya adalah matlamat keilmuan dan puncak amalan seseorang di dunia yang fana ini, sementara di akhirat nanti kedudukan dan ganjaran yang Allah kurniakan kepada wali-walinya berbeza-beza. Jika berlakunya sesuatu kejadian yang luar biasa, orang-orang soleh berusaha untuk menyembunyikannya dan menyerahkan urusannya kepada Allah SWT. Malah mereka mengharap ganjaran yang sebenarnya di akhirat kelak bukan di dunia yang sementara ini.

Beliau menjelaskan lagi bahawa kadang-kala Allah SWT kurniakan karamah *hissiyyah* (fizikal) kepada seseorang bertujuan untuk menggalakkannya supaya menambahkan amalannya, atau ianya sebagai ujian untuk melihat kecenderungannya sama ada bersyukur atau sebaliknya, atau menambahkan keyakinannya atau keyakinan orang lain terhadap apa yang dibawa daripada Rasulullah SAW. Selain itu, karamah *hissiyyah* bukanlah sesuatu yang dipinta dan kelebihan yang boleh dibanggakan oleh seseorang kerana ia juga boleh berlaku kepada orang yang tidak istiqamah dalam perintah dan larangan Allah SWT. Bahkan, ianya boleh berlaku kepada orang yang tidak patuh kepada perintah dan larangan Allah SWT seperti ahli sihir, bomoh, pawang dan juga pendeta-pendeta agama yang dikenali sebagai *istidraj*.

Abu Al-Hassan Al-Shadhali pernah menyebutkan (Ibn 'Ajibah, 1985) bahawa karamah yang sebenar ada dua perkara:

1. Karamah iman iaitu penambahan keyakinan dan memahaminya dengan pancaindera,
2. Karamah amal iaitu mengikut apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan menjauhi segala dakwaan palsu dan tipu helah manusia.

#### **4. Pandangan Shaykh Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek Terhadap Karamah**

Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek merupakan seorang shaykh dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah yang bertapak di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau juga dilantik menjadi ahli Jilsah Turuq Sufiyyah pada tahun 2007 di bawah Enakmen Tarekat Tasawwuf Negeri Sembilan. Kini pada tahun 2019, beliau dilantik menjadi Panel Pakar Tasawwuf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysian (JAKIM). Banyak penulisan dan ceramah beliau diketengahkan terutamanya berkaitan dengan ilmu Tasawwuf. Oleh itu, penulis cuba menghuraikan satu permasalahan penting dalam ilmu Tasawwuf iaitu karamah menurut perspektif beliau.

Karamah pada pandangan Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek iaitu kejadian yang bersifat *khariq al-`adat* atau kejadian yang luar biasa yang menakjubkan, menghairankan akal berlaku pada seseorang wali Allah (Sidek, 2014). Definisi ini beliau selarikan dengan definisi karamah oleh Al-Jurjani (2004) iaitu berlaku sesuatu perkara yang *khariq al-`adat* yang terjadi pada seorang yang beriman lagi beramal soleh, tetapi tidak mendakwa sebagai seorang nabi, itulah karamah.

Menurut beliau, karamah juga dikaitkan dengan *istidraj* dan sihir kerana kesemuanya perkara tersebut adalah perkara yang luar biasa. Tegas beliau, tidak memadai untuk diguna pakai bagi menentukan sesuatu kejadian yang luar biasa, menakjubkan dan menghairankan akal sama ada ianya yang haq atau yang batil. Maklumat yang lebih terperinci mengenai

kejadian-kejadian yang luar biasa tersebut amat diperlukan. Biasanya masyarakat hanya menggunakan satu ukuran sahaja iaitu apabila berlakunya perkara atau kejadian yang luar biasa pada seseorang yang keterampilan zahirnya sebagai seorang yang alim, yang beramal soleh, pakaiannya mengikut sunnah, akhlaknya juga terpuji, maka kejadian yang berlaku pada orang tersebut segera dianggap sebagai karamah atau ma'unah (Sidek, 2014).

Shaykh 'Abd Qadir Isa (2007) menegaskan bahawa seseorang wali yang berlaku padanya karamah amat bimbang, tidak terpesona dengan kelebihan tersebut, merasainya sebagai ujian daripada Allah SWT dan takut kejadian tersebut adalah *istidraj*. Sementara orang yang memperolehnya secara *istidraj* merasakan kegembiraan, kehebatan yang memang layak baginya dan tidak takut ianya ujian daripada Allah SWT (Al-Razi, 1420H).

Perbezaan di antara karamah, *ma'unah*, *istidraj* dan sihir menurut Shaykh Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek (2014) adalah seperti berikut:

1. Karamah dan *ma'unah* (kejadian luar biasa yang berlaku kepada seseorang awam mukmin pada masa terdesak) terjadinya secara tiba-tiba atau mendadak sehingga orang yang menerima karamah atau maunah tidak menyangka dan tidak mengetahui sama sekali akan berlakunya perkara-perkara yang luar biasa itu. Ia terjadi mengikut kehendak Allah dan qudrat Allah. Tiada siapa yang mengetahui bila akan berlaku dan bagaimana akan berlakunya. Sebaliknya *istidraj* dan sihir sememangnya dapat dijangka dan diketahui oleh orang yang terlibat dengannya dan bagaimana dan apa yang akan berlaku memang sudah diketahui. Sebabnya, mereka sememangnya merasa benar-benar ada kebolehan untuk melakukan perkara-perkara yang luar biasa.
2. Karamah dan *ma'unah* sangat jarang berlaku kerana ia mengikut kehendak Allah semata-mata. Misalnya seorang wali Allah yang diminta untuk meniup mata kanak-kanak yang buta tiba-tiba dapat melihat. Selepas itu didatangi keluarga yang lain membawa anaknya yang buta, apa bila ditiup tidak boleh sembuh. Sebaliknya *istidraj* atau sihir terjadinya berlulang-ulang kali dan sentiasa boleh berlaku. Perkara yang luar biasa itu memang menjadi kebolehannya. Contohnya seorang yang boleh mengeluarkan batu karang daripada tubuh pesakit.
3. Orang yang mendapat karamah dan *ma'unah* berasa takut dan bimbang, kalau-kalau di ketahui oleh orang lain. Sebab mereka takut terasa ada kelebihan, akan menjadi ujub dan riak, yang membawa kepada dosa besar. Para wali yang dikurniakan oleh Allah karamah sangat takut seperti mereka takut kepada bala'. Mereka menyorok dan menyembunyikan karamah mereka dan tidak akan menceritakan kepada sesiapa. Kerana menceritakan

karamahnya sendiri bukan sahaja bererti ujub dan riak tetapi dia juga telah mengkhianati terhadap amanah Allah. Sebaliknya *istidraj* dan sihir sengaja ditunjuk-tunjukkan kepada orang ramai, mereka berbangga kerana perkara yang luar biasa itu dianggap sebagai keistimewaan kepada mereka dan masyarakat pun memberikan penghargaan yang diharapkan.

4. Karamah dan *ma'unah* yang berlaku kepada seseorang kalaulah berulang beberapa kali maka berlainanlah perkara yang menabjubkan itu dan tidak serupa. Misalnya pada suatu ketika dikurniakan oleh Allah dapat mengangkat benda yang berat, sedang pada suatu masa yang lain dia dapat sampai suatu tempat yang jauh dalam masa yang singkat. Sebaliknya *istidraj* dan sihir berlaku serupa sahaja, satu dua perkara atau beberapa perkara yang menabjubkan akan berlaku berulang-ulang serupa sahaja. Misalnya batu karang yang dikeluarkan adalah serupa atau setiap telur yang digunakan bila dibelah di dalamnya ada jarum dan rambut, tidak wujud benda-benda yang selain itu.
5. Karamah dan *ma'unah* tidak akan hilang dengan sesuatu sebab kerana ia berlaku mengikut kehendak Allah, tetapi *istidraj* atau sihir akan hilang dengan sesuatu sebab. Sihir tidak akan berlaku dan akan terbatal bila sesuatu pantang dilanggar, misalnya orang yang belajar ilmu kebal bila makan pucuk labu kebalnya hilang.

Jelas daripada keterangan di atas bahawa lima perkara tersebut mampu memberikan pencerahan kepada masyarakat Islam untuk membezakan antara ciri-ciri kebenaran karamah dan helah *istidraj*. Justeru, kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat Islam dapat dileraikan dengan baik dan difahami dengan lebih mantap.

Perkara lain yang perlu diberikan perhatian juga adalah pembahagian karamah. Shaykh Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek (2014) membahagikannya kepada dua bahagian:

1. Karamah *hissiyyah* atau karamah *zahiriyyah*
2. Karamah *ma'nawiyyah*.

Karamah *hissiyyah* atau *zahiriyyah* ialah kejadian-kejadian yang luar biasa di alam nyata yang dapat dilihat dan disaksikan oleh mata kepala seperti yang dicontohkan di atas. Sebaliknya karamah *ma'nawiyyah* adalah kejadian-kejadian yang luar biasa yang tidak dapat dilihat oleh mata kepala manusia. Contohnya, berbagai sifat hati yang terpuji seperti kesabaran, kesyukuran, rasa takut kepada Allah, ketenangan, keredaan, hikmah dan sebagainya lagi.

*Al-umur al-mukashafah* (perkara-perkara yang dikashafkan) juga adalah sejenis karamah yang Allah kurniakan kepada para walinya. Bagaimanapun, ianya terbahagi kepada

dua bahagian. Iaitu mukashafah *suwariyyah* dan mukashafah *ma'nawiyah*. Mukashafah *suwariyyah* ialah *terkashafnya* perkara-perkara yang ghaib seperti kejadian-kejadian yang telah berlaku atau sedang berlaku atau akan berlaku. *Mukashafah maknawiyah* ialah *terkashafnya* pelbagai hijab hati sehingga hati dapat melihat dalil-dalil mengenal Allah di alam *malakut*, seperti yang Allah sebutkan dalam firmanNya:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْخِيَلِ وَاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَبْصَارِ

*Terjemahnya: "Sesungguhnya di dalam kejadian yang langit dan di bumi, dan di dalam peredaran masa malam dan siang, ada tanda-tanda atau dalil-dalil yang menunjukkan (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang ulul-albab" (Ali'Imran 3:190).*

Pendapat Shaykh Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek bertepatan dengan pendapat Ibn 'Ajibah (1985) yang menegaskan bahawa karamah yang sebenarnya yang dituntut oleh setiap mukmin ialah makrifatullah, istiqamah dalam syariat Allah SWT, disingkap segala hijab zahir dan batin dan dibuka seluas-luasnya pintu hatinya menghadap Allah SWT.

Dalam pengamalan ilmu Tasawwuf, karamah yang diterima adalah karamah *ma'nawiyah*. Ulama Tasawwuf sememangnya ada menitik beratkan supaya murid-murid mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat karamah *ma'nawiyah*, bukan karamah *hissiyyah*. Karamah *ma'nawiyah* ialah karamah yang menjadikan seseorang hamba Allah istiqamah dalam ketaatannya zahir dan batin seperti yang disebutkan oleh Ibn 'Ajibah tersebut. Menerusi istiqamahnya itu maka Allah angkatkan pelbagai hijab hati, dihidupkan hatinya oleh Allah, ditukarkan sifat-sifat jahatnya kepada sifat-sifat terpuji sehingga hatinya dan akalnya dapat menguasai hawa nafsunya. Hatinya benar-benar menjadi *mutma'innah* (Sidek, 2014).

Karamah tersebut apabila tercapai maka akan hilanglah pelbagai sifat tercela hati seperti hasad dengki, sombong, marah, menipu, tamak, bakhil, riak, kasihkan dunia, khianat, keras hati, lalai, tergesa-gesa, berbangga-bangga, suka bertengkar, buruk adab, suka dipuji, berpura-pura, panjang angan-angan, zalim, mengumpat, sikap nak menang, tidak ada keinsafan, jahat sangka, lemah keyakinan terhadap takdir dan sebagainya. Sebaliknya akan terteraplah sifat-sifat yang terpuji di dalam hati seperti sifat takwa, warak, zuhud, syukur, sabar, qinaah, redha, tawakal, menerima takdir Allah, benar, ikhlas, pemurah, belas kasihan, berlapang dada, segera menyahut perintah Allah, khusyuk, tawadu', baik sangka terhadap Allah, baik sangka terhadap makhluk dan berbagai sifat-sifat yang terpuji lainnya.

Tegasnya, pandangan Shaykh Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek tersebut didapati banyak menyumbang kepada kefahaman dan amalan masyarakat Islam. Semestinya, mereka lebih

berhati-hati dalam menentukan perkara yang benar atau menyimpang dari syariat Islam yang murni.

## 5. Kesimpulan

Sebagai pengikut aliran Ahlu Sunnah Waljamaah masyarakat Islam wajib meyakini bahawa Allah SWT yang menjadikan makhluk dan perbuatannya. Ilmu Allah SWT tidak hanya terhad menjadikan makhluk bahkan setiap perbuatan makhluk juga adalah daripada ilmu Allah SWT. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam Al-Quran, antaranya:

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ قَتَلَهُمْ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ رَمَىٰ

*Terjemahnya: “Maka bukanlah kamu yang membunuh mereka, akan tetapi Allah jualah yang menyebabkan pembunuhan mereka. Dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir)” (Al-Anfal 8:17).*

Justeru, berlakunya perkarabiasa dan luar biasa adalah kehendak Allah dan Dialah yang menjadikannya. Namun begitu, perlu diambil perhatian dari sudutperintah dan larangan Allah SWT. Jika seseorang mengikut perintah dan meninggalkan larangan Allah SWT maka itulah perkara yang diredai Allah SWT sebaliknya jika seseorang melanggar perintah dan melakukan larangan Allah SWT maka itulah perkara yang dimurkai Allah SWT.

Oleh demikian, perkara luar biasa yang diredai oleh Allah SWT yang terjadi kepada hambaNya yang soleh dan istiqamah atas jalan-Nya disebut sebagai karamah. Sementara, *istidraj* pula, perkara luar biasa yang terjadi dengan kemurkaan Allah SWT bagi menambahkan kekufuran dan azab. Oleh kerana itu, para wali yang dikurniakan Allah SWT karamah, amat gerun apabila berlaku sesuatu yang luar biasa pada dirinya, malah ketakutannya seolah-olah perkara yang berlaku itu adalah *istidraj*, lalu mereka segera kembali kepada Allah SWT dengan bertaubat dan mengharap keredaanNya. Sementara orang yang diulit dengan keindahan perkara yang luar biasa, senang dengan kejadian yang berlaku dan merasakan kehebatannya, itulah tanda perkara tersebut adalah *istidraj*.

Orang Tasawwuf juga tidak terlepas dengan tipu daya jin dan syaitan, mereka juga sering terkeliru dengan *kashaf suwari* yang didakwa sebagai karamah sedangkan itulah mainan jin dan syaitan yang ingin memesongkan orang Tasawwuf dari landasannya iaitu menuntut keredaan Allah SWT semata-mata dan menghilangkan fokus terhadap matlamatnya iaitu hanya Allah SWT tujuannya seperti munajat yang sering diulang-ulang oleh orang Tasawwuf:

إلهي أنت مقصودي ورضاك مطلوبي

Ahmad Naja' Mokhtar, *Et.all. Karamah menurut Shaykh Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek*

*Terjemahnya: "Ya Tuhanku, Engkau sahajalah yang aku maksudkan dan keredaanMu sahaja yang aku tuntutan".*

**Rujukan**

Al-Baghawi, H. M. (1997). *Ma'alim Al-Tanzil Fi Tafsir Al-Quran*. Beirut: Dar Tayyibah.

Al-Bayhaqi, A. i.-H. (1401H). *Al-I'tiqad Wa Al-Hidayah Ila Sabil Al-Rashad*. Beirut: Dar Al-Afaq Al-Jadidah.

Al-Bukhari, M. I. (1987). *Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.

Al-Jurjani, A. M. (2004). *Al-Ta'rifat*. Cairo: Dar al-Fadilah.

Al-Qurtubi, M. A. (1964). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*. Cairo: Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.

Al-Qushayri, A. K. (1989). *Al-Risalah al-Qushayriyyah*. Cairo: Muassah Dar al-Sha'b.

Al-Razi, M. U. (1420H). *Mafatih Al-Ghayb*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.

Al-Tabari, M. J. (2001). *Jami' Al-Bayan 'An Ta'wil Ay Al-Quran*. Beirut: Dar Hajar.

Aziah Tajudin, Mohd. Fazli Tajuid. (2016). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan* (ed. 2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

bukhari. (2000). *sahih bukhari*. beirut: darul fikri.

Ibn 'Ajibah, A. M. (1985). *Iqaz al-Himam Fi Sharh al-Hikam*. Cairo: dar al-Ma'arif.

Ibn Kathir, I. i. (1986). *Al-Bidayah Wa Al-Nihayah*. Beirut: Dar Al-Fikr.

'Isa, ' . A.-Q. (2007). *Haqa'iq 'An Al-Tasawwuf*. Halab: Dar Al-'Irfan.

Jahid Sidek Al-Khalidi, Ahmad Najaa' Mokhtar, Muhammad Khairi Mahyuddin, Mahyuddin Ismail, Abdul Rahim Zumrah, Nurhafizah Mohd. Sukor, Nur Afifah Mohd Najib, Syed Haashim Syed Abd Rahman. (2018). *Konsep Dan Isu Dalam Pengalaman Perubatan Islam*. Kuala Lumpur: Mufiid Work.

Melaka, J. M. (2012). *Garis Panduan Amalan PengubatanDan Perbomohan Menurut Islam*. Melaka: Jabatan Mufti Negeri Melaka.

Sidek, J. (2014). Kedudukan Karamah Dalam Islam: Satu Tinjauan Khusus Dari Perspektif Tasawuf. *Kursus Pemulihan Akidah* (hlm. 31). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Zin, M. H. (2014, Jun 20). *Dewasa > Amalan Perubatan Yang Bercanggah Dengan Islam: Kementerian Kesihatan Malaysia Website*. Didapatkan dari Kementerian Kesihatan Malaysia Website: <http://www.myhealth.gov.my>